

# Pemuda Umno perjelas pendirian kepada MT Jumaat

19 DEC 2007

PUTRAJAYA, Rabu - Pergerakan Pemuda Umno akan menyatakan pendiriannya kepada Majlis Tertinggi Umno (MT) berhubung keputusan MCA menggantung keanggotaan tanpa had masa dua Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang yang mengambil pendirian berkecuali ketika Barisan Nasional (BN) menolak satu usul pembangkang.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata pergerakan itu akan meminta pandangan serta pendapat daripada barisan Exco untuk mencapai kata sepakat berhubung keputusan MCA itu sebelum dimaklumkan kepada MT.

"Bagaimanapun, Pemuda akan menerima apa saja keputusan yang akan diputuskan MT yang bermesyuarat Jumaat ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan peringkat kementeriannya di sini, hari ini.

Beliau berkata, Pemuda Umno tetap berpegang pada kenyataan Presiden Umno yang juga Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini yang mencadangkan dua Adun itu dipecat keanggotaannya daripada MCA.

Dr Mahathir baru-baru ini dilaporkan berkata, MCA boleh memecat dua Adun daripada parti itu yang tidak menyokong keputusan BN negeri menolak satu usul pembangkang di Pulau Pinang.

Perdana Menteri berkata, pada masa sama MCA juga boleh menyerahkan kepada pucuk pimpinan BN mengambil tindakan jika parti itu berhasrat ber-

buat demikian.

Isnin lalu, Majlis Presiden MCA membuat keputusan menggantung keahlian tanpa had masa Tan Cheng Liang (Jawi) dan Lim Boo Chang (Datuk Kramat) berasaskan laporan cadangan sebulan suara Lembaga Disiplin MCA.

Tan dan Lim mengambil sikap berkecuali daripada mengundi ke atas usul DAP pada mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 November lalu bagi menangguhkan projek Jalan Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 bilion sehingga siapnya projek Expressway Jelutong berharga RM400 juta.

Dalam perkembangan lain, Hishammuddin berkata, kementerian akan membentangkan rang undang-undang Akta Pembangunan Belia di Dewan Rakyat tahun depan bagi memudahkan kementerian memantau perjalanan persatuan belia.

Katanya, ketika ini kementerian sukar mengawasi kerana pendaftaran persatuan belia dibuat menerusi Pejabat Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan berkata, Akta Pembangunan Belia itu juga membolehkan kementerian menyediakan garis panduan berhubung had umur presiden persatuan, keahlian dan pendaftaran.

"Bagi memperkuatkan belia kita perlu memperkuatkan pertubuhan belia terlebih dulu," katanya.